

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1992/93

April 1993

HHT 302 Seni Lukis Moden Malaysia

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENDANDUNGI ENAM [6] SOALAN DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab TIGA [3] soalan, SOALAN NO. 1 dan 2 daripada Bahagian A WAJIB dijawab dan SATU [1] soalan daripada Bahagian B.

Tuliskan jawapan anda dengan jelas, tepat dan ringkas.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - KEDUA-DUA soalan WAJIB dijawab

1. Lihat slaid yang ditayangkan (selama 10 minit) dan jawab soalan berikut:
  - (a) Bagaimanakah lukisan cat minyak ini boleh dianggap sebagai seni lukis moden di Malaysia?
  - (b) Bagaimanakah ianya berbeza daripada kesenian visual tradisional tempatan?
  
2. Lihat slaid yang ditayangkan (selama 10 minit) dan jawab soalan berikut:
  - (a) Pada pendapat anda, daripada menghayati lukisan ini, apakah yang boleh dikatakan mengenai sikap pelukis terhadap kehidupan masyarakat kampung tempatan?
  - (b) Pada pendapat anda, bolehkah kita anggap lukisan begini digemari ramai? Kenapa?

BAHAGIAN B - Pilih SATU [1] soalan

3. Huraikan peranan Balai Seni Lukis Negara di dalam kemunculan dan perkembangan Seni Lukis Moden di Malaysia. Fikirkan juga mengenai konsep seni lukis yang dinaungi oleh institusi ini, dan sama ada konsep ini wajar dipegangi di dalam masyarakat dan budaya Malaysia.
4. Bincangkan hubungan perkembangan Seni Lukis Moden di Malaysia dengan pengalaman penjajahan Barat. Bagaimanakah penjajahan Barat mempengaruhi bentuk dan konsep seni lukis moden tempatan?
5. Apakah peranan "pencarian identiti" di dalam sejarah Seni Lukis Moden Malaysia? Bincangkan dengan memberi contoh-contoh pengkaryaan dan kegiatan seni lukis yang berkenaan.
6. Bolehkah teori seni lukis moden Clement Greenberg digunakan untuk memahami seni lukis moden di Malaysia? Fikirkan juga bagaimana pengertian kegiatan seni lukis moden tempatan berbeza daripada yang di Barat.